

29/03/2000

Pencalonan cermin aspirasi ahli

Kadir Dikoh

PERSAINGAN untuk merebut tiga jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan Mei ini menjadi tumpuan utama setelah dua jawatan tertinggi dimenangi tanpa dicabar dan perang psikologi membabitkan Tengku Razaleigh Hamzah berakhir.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan Presiden manakala Timbalan Presiden diisi oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir setakat ini mendapat 134 pencaloan manakala Abdullah 133 pencalonan. Setiap calon yang layak bertanding jawatan Presiden memerlukan 50 pencalonan manakala jawatan Timbalan Presiden 33 pencalonan. Dengan hanya tinggal 30 bahagian yang belum mengadakan mesyuarat, tidak ada calon lain yang layak untuk merebut jawatan-jawatan itu.

Dengan pengisian dua jawatan tertinggi parti akan disahkan pada perhimpunan agung Mei ini, perwakilan kini menumpukan perhatian kepada persaingan untuk merebut jawatan hirarki ketiga dalam kepemimpinan Umno, iaitu naib presiden.

Perang psikologi sama ada Tengku Razaleigh, mencabar Dr Mahathir atau Abdullah tidak menjadi kenyataan apabila apabila Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan itu mengumumkan pada 24 Mac lalu bahawa beliau tidak berhasrat bertanding jawatan tertinggi dalam parti.

Kenyataan itu yang dibuat ketika Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing menerima hampir separuh pencalonan daripada 165 bahagian yang sudah mengadakan mesyuarat, tidak mengejutkan pemerhati politik. Ini kerana dalam tempoh yang sama pencalonan untuk Tengku Razaleigh kekal satu bagi jawatan Presiden dan dua bagi Timbalan Presiden.

Menurut pemerhati politik, Tengku Razaleigh membuat kenyataan itu setelah melihat aliran pencalonan tidak memihak kepadanya dan dengan itu, lebih bijak baginya membuat pengumuman awal sebelum Dr Mahathir dan Abdullah diisytiharkan menang tanpa bertanding berdasarkan syarat pencalonan untuk bertanding dua jawatan tertinggi itu.

"Tengku Razaleigh mempunyai banyak pengalaman dan bijak dalam sepak terajang politik dan pengumannya itu ibarat menarik benang dalam tepung, benang tidak putus dan tepung tidak berselerak. Dengan itu, kewibawaannya tidak terjejas," kata seorang penganalisis politik, tetapi tidak menolak kemungkinan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu masih mengintai peluang dalam tempoh tiga tahun akan datang meskipun faktor usia dan ketiadaan jawatan dalam kerajaan dijangka menjadi penghalang.

Malah, pengumuman Tengku Razaleigh dibuat sehari sebelum mesyuarat Umno bahagian Pasir Mas yang diketuai Datuk Ibrahim Ali yang mencalonkan Dr Mahathir sebagai presiden dan Tengku Razaleigh, timbalan presiden.

Sekarang, dengan berakhirnya episod Tengku Razaleigh, perhatian dialih kepada perebutan bagi jawatan naib presiden. Sebarang keputusan pada peringkat naib presiden akan menjadi perhitungan dan calon yang mendapat undi terbanyak nanti, pasti menarik perhatian umum. Ini kerana pemimpin muda yang bakal menduduki kerusi ketiga paling kanan itu berkemungkinan besar berupaya melangkah lebih jauh dalam Umno dan seterusnya kepemimpinan negara.

Sebarang perubahan pada jawatan tertinggi parti membabitkan kerusi presiden dan timbalan presiden dalam jangka masa beberapa tahun akan datang, sudah pasti membuka ruang yang luas kepada salah seorang penyandang naib presiden.

"Mungkin satu sejarah akan tercatat dalam Umno nanti kerana sebelum ini,

sesiapa sahaja yang menang bagi jawatan naib presiden belum pasti boleh melompat satu anak tangga ke atas dalam tempoh singkat kerana akan terpaksa bersaing pada setiap kali berlaku pemilihan di perhimpunan agung tiga tahun sekali.

"Bayangkan mereka yang menang jawatan naib presiden pada 1993, terpaksa bersaing pula pada 1996. Mungkin calon yang menang dengan undi terbanyak bagi jawatan naib presiden Mei ini tidak perlu lagi mempertahankan jawatan itu pada tahun 2003, tetapi sebaliknya mencuba jawatan timbalan presiden," kata seorang penganalisis politik.

Namun, dalam politik segala kemungkinan boleh berlaku kerana tidak semua penyandang naib presiden paling kanan bernasib baik dan sejarah sudah membuktikannya.

Antara yang bernasib baik sewaktu menyandang naib presiden sebelum ini ialah Dr Mahathir sendiri dan kini pula giliran Abdullah, meskipun keduanya bukan naib presiden yang mendapat paling banyak undi ketika dilantik ke jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dari segi pencalonan, penyandang naib presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak sudah mendahului dengan sokongan 122 bahagian; diikuti Datuk Abdul Ghani Othman (71); Datuk Seri Abu Hassan Omar (48); Datuk Seri Syed Hamid Albar (32); Datuk Seri Osu Sukam (29); Tan Sri Muhyiddin Yassin (27); Tan Sri Muhammad Muhd Taib (24); Tan Sri Mohd Isa Samad (23) dan Datuk Dr Rais Yatim (19) - semuanya berjaya melepasi syarat kelayakan bertanding.

Dua lagi yang turut menerima sokongan untuk jawatan yang sama ialah Tengku Razaleigh (enam pencalonan) dan Datuk Seri Tajol Rosli (dua pencalonan). Bagaimana pun Tajol sudah mengumumkan tidak mahu bertanding jawatan naib presiden, manakala Tengku Razaleigh belum menyatakan pendiriannya bagi jawatan berkenaan. Beliau memerlukan 11 lagi pencalonan setelah enam bahagian mencalonkannya bagi jawatan itu.

Namun, sepanjang kempen dan kegiatan melobi sejak sebelum mesyuarat peringkat bahagian bermula 2 Mac lalu, pelbagai isu ditimbulkan terutama di peringkat bawahan. Apabila persidangan bermula dengan pencalonan mencurah masuk, pelbagai dakwaan pula timbul seperti sistem "barter trade" wujud di kalangan Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk saling mencalonkan mereka. Namun, kali ini tidak kelihatan dengan ketara pencalonan secara berpasukan seperti 'Team Wawasan' sebelum ini.

Turut ditimbulkan dalam isu kempen ialah supaya Umno bahagian hanya mencalonkan seorang Menteri Besar untuk bersama dua menteri Kabinet dalam senarai pencalonan untuk tiga jawatan naib presiden. Tetapi aliran itu tidak begitu menjadi apabila pencalonan lebih condong kepada formula '2+1', iaitu dua Menteri Besar dan seorang menteri Kabinet pusat.

"Apa yang menyedihkan ialah kempen Ninja - mahu membunuh kerjaya politik lawan dengan serangan terhadap isu peribadi. Sesetengah isu sengaja diperbesarkan untuk memburuk-burukkan lawan," kata seorang ahli jawatankuasa bahagian di Selangor.

"Walau apa pun bentuk kempen, ia hendaklah dijalankan secara gentleman (sopan). Ini pertandingan dalam keluarga Umno. Kita bukan berhadapan parti pembangkang," kata calon Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Namun, Muhyiddin yang mencuba nasib sekali lagi untuk merebut semula jawatan naib Presiden yang pernah dimenangnya pada 1993 dengan undi terbanyak tetapi gagal mempertahankannya pada 1996, secara terang mendakwa wujud sistem "barter" di kalangan menteri besar dan ketua menteri.

"Anda tinjau sendiri macam mana (aliran pencalonan)," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu yang juga bekas Menteri Besar Johor yang baru-baru ini mencetuskan kontroversi dengan dakwaan bahawa ada pihak menyekat pencalonannya. Bahagian Pagoh yang diketuainya mencalonkan semua tiga calon dari Johor untuk naib presiden,

iaitu Abdul Ghani, Syed Hamid dan Muhyiddin sendiri.

Memang sukar membuktikan kebenaran dakwaan Muhyiddin. "Sebenarnya, ini soal politik ... tanpa strategi bukan orang politik namanya. Mungkin Muhyiddin bercakap berdasarkan pengalamannya sendiri sebagai Menteri Besar (1986-1995) apabila menimbulkan wujud sistem barter trade," kata seorang ketua bahagian di Johor.

Tetapi sesetengah pemerhati percaya jika benar wujud "barter" ia cuma memberi kelebihan kepada menteri besar dan ketua menteri untuk melepasi syarat kelayakan bertanding, iaitu mendapat pencalonan 10 peratus atau 17 daripada 165 bahagian. Katanya, perwakilan yang akan mengundi dalam pemilihan Mei nanti tidak semestinya mengundi mengikut rentak aliran pencalonan kerana ia akan dilakukan secara undi sulit meskipun Menteri Besar dan Ketua Menteri mempunyai pengaruh di negeri masing-masing selaku Pengerusi Badan Perhubungan negeri.

Namun, dua Menteri Besar pernah berjaya menduduki kerusi Naib Presiden secara serentak pada 1993, iaitu Muhammad Muhd Taib (Selangor) dan Muhyiddin. Di kalangan sembilan calon naib presiden yang menawarkan diri itu, Abu Hassan, Ghani dan Osu mencuba buat pertama kali. Syed Hamid pernah bertanding pada 1996 tetapi mendapat undi keempat terbanyak manakala Dr Rais tewas pada 1987, juga di tempat keempat.

Bagi Osu, ini mungkin peluang pertama dan terakhir baginya kecuali sistem pengiliran jawatan Ketua Menteri Sabah dikaji semula. Tempoh jawatan Osu selaku Ketua Menteri Sabah akan berakhir Mac tahun depan dan andainya beliau menang sekalipun jawatan naib presiden kali ini, tanpa jawatan eksekutif itu akan menyukarkannya mempertahankan jawatan naib presiden pada 2003. Tidak hairanlah bahagian Papar yang diketuai Osu sendiri meluluskan usul supaya sistem pengiliran dua tahun itu dikaji semula.

"Bagaimanapun, bukan mudah bagi calon dari luar Semenanjung dalam saingan hebat seperti ini tetapi harapan kami ialah supaya tiada wujud sentimen kenegerian. Meskipun Osu memperolehi banyak pencalonan setakat ini, kebanyakannya adalah dari Sabah. Isu kami ialah berilah satu jawatan naib presiden kepada Sabah bagi menseimbangkan keadaan," kata seorang ketua bahagian dari negeri bawah bayu.

Apa yang paling menonjol sekarang ialah pencalonan yang diterima oleh Najib dan Abdul Ghani. Bagaimanapun, pengurus kempen seorang calon naib presiden cepat menokok dengan menyatakan keadaan itu tidak semestinya mencerminkan aliran pengundian pada pemilihan sebenar 11 Mei nanti.

"Hakikatnya, Najib kini berjaya menghakiskan mimpi buruk dalam kerjaya politiknya untuk muncul sebagai pemimpin berwibawa masa depan Umno," kata pemerhati yang merujuk kepada kemenangan tipisnya pada pilihan raya umum lalu.

"Sebaliknya kemenangan tipis Najib bukan kerana prestasinya menurun tetapi lebih kepada soal isu nasional membabitkan Pas dan Umno ketika itu. Prestasinya dalam Kabinet cemerlang dan perpindahannya dari Kementerian Pendidikan ke Kementerian Pertahanan, juga tidak harus dianggap sebagai turun pangkat," kata seorang penyokongnya yang menyifatkan pencalonan terbanyak Najib sebagai perakuan terhadap rekod cemerlang sebagai menteri.

Namun, ada yang berpendapat bahawa antara populariti Najib sekarang ialah kerana sikapnya yang tenang serta tidak melatah tetapi terus menjalankan tugas dengan sebaik mungkin setelah tidak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri tahun lalu meskipun kedudukannya sebagai naib presiden paling kanan.

"Najib tidak kecewa apabila tidak dilantik (sebagai Timbalan Perdana Menteri), malah bersikap terbuka apabila dipindahkan daripada kementerian kanan (pendidikan) ke kementerian yang kurang popular," kata pemerhati.

Dalam kes Abdul Ghani, meskipun pertama kali mencuba untuk jawatan Naib

Presiden, pencapaiannya boleh dibanggakan. Menurut penyokongnya, rekod cemerlang Abdul Ghani dalam mengemudi Barisan Nasional Johor dalam pilihan raya umum lalu, sebagai menteri besar dan sebelumnya sebagai Menteri Belia dan Sukan selain tahap intelektual dan imej yang tiada cacat cela, meletakkannya sebagai antara calon pilihan utama.

"Malah Abdul Ghani kelihatan muncul sebagai calon menteri besar yang paling kuat dengan mendahului dua lagi calon naib presiden dari Johor, iaitu Muhyiddin dan Syed Hamid, malah calon di kalangan menteri besar lain," kata seorang ketua bahagian di Perak.

Abu Hassan (Selangor), Osu (Sabah) dan Mohd Isa (Negeri Sembilan) dikatakan memperoleh jumlah pencalonan yang mengalakkan kerana kedudukan mereka selaku pengerusi perhubungan Umno negeri masing-masing. Namun, imej bersih Abu Hassan memberi kelebihan kepadanya. Abdul Ghani dan Mohd Isa, boleh berbangga dengan prestasi Johor dan Negeri Sembilan - dua negeri yang mencatat kemenangan 100 peratus pada pilihan raya umum November lalu dan ini akan turut memberi kelebihan kepada mereka.

Muhammad Taib, meskipun penyandang Naib Presiden kelihatan, terpaksa melalui jalan yang agak sukar.

"Begitupun, beliau tidak akan rasa malu apabila memperolehi jumlah undi yang boleh dihormati nanti," kata penyokongnya.

Syed Hamid, anak Allahyarham Syed Jaafar Albar yang dikenali sebagai "Singa Umno" pada zamannya, pula menyandarkan harapan supaya ahli Umno membuat pemilihan berdasarkan merit seseorang.

"Saya percaya inilah isu utama dibawa oleh calon naib presiden di kalangan menteri Kabinet supaya ahli Umno menilai mereka berdasarkan prestasi, kebolehan dan keberkesanan sebagai menteri," kata seorang penganalisis politik di sebuah institusi pengajian tinggi.

Sejarah Umno setakat ini belum memihak kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri untuk melangkah lebih jauh daripada jawatan naib presiden. Najib pernah menjadi Menteri Besar Pahang tetapi kejayaannya menduduki kerusi naib presiden ialah setelah beliau menjawat jawatan dalam Kabinet Pusat.

Dr Rais pula masih dikaitkan dengan perjuangan lamanya dalam parti Semangat 46 pimpinan Tengku Razaleigh yang sudah dibubarkan. Penyokong Dr Rais mengharap kisah lama tidak diungkit, sebaliknya berkata pujian harus diberi kepada bekas Timbalan Presiden parti Semangat 46 itu kerana beliau sebenarnya memainkan peranan belakang tabir bagi melicinkan kemasukan semula ahli parti itu ke dalam Umno dan Barisan Nasional (BN) serta pembubaran parti itu pada 1998.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu begitu tegas menyuarakan mengenai hak Melayu dan soal perundangan terutama selepas pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Umno dan kerajaan. Malah, di kalangan wartawan, Rais yang mahir dalam undang-undang perlembagaan adalah antara menteri yang mudah dihubungi atau ditemui bagi mendapatkan ulasan mengenai isu semasa.

Sejarah menunjukkan perwakilan Umno bijak memilih pemimpin yang dapat memacu parti dan negara dalam menggarap kesinambungan aspirasi bangsa, parti, agama dan negara.

(END)